

LANGKAH PENCEGAHAN (SOP)
Kebaktian Ahad Gereja - GEREJA METHODIST TRINITY

1. Suhu Badan & Maklumat Jemaah Yang Hadir

- Mengambil suhu badan setiap Jemaah yang hadir & mencatat maklumat mereka untuk tujuan mengesan kontak.
- Catatan maklumat dilakukan melalui buku catatan kehadiran atau borang google (tersedia dengan mengimbas QR Code di pintu masuk). Sesiapa yang didapati dengan suhu tidak normal (di atas 37.5 darjah Celcius) mesti segera berjumpa doktor atau berehat di rumah.
- Kanak-kanak di bawah usia 12 tahun dan orang yang mempunyai sistem imun yang rendah atau penyakit kronik seperti diabetes, penyakit barah, asma dan lain-lain harus tinggal di rumah untuk mengikuti Kabaktian Ahad dalam talian.

2. Pembersih Tangan

- Pembersih tangan akan disediakan untuk semua Jemaah yang sihat hadir ke kebaktian untuk digunakan sebelum & selepas kebaktian.

3. Orang Yang Menghadiri Kebaktian & Persekutuan

- Bilangan orang di tempat ibadah mesti mematuhi garis panduan Persidangan Tahunan SCAC dan Kerajaan negeri Sarawak.
- Kebaktian hendaklah dijalankan selama maksimum 1 jam untuk membolehkan pembantu kebersihan melakukan SOP sebelum & selepas kebaktian.
- Sekolah Minggu akan ditutup sehingga diberitahu kelak.

4. Tinggalkan Tempat Ibadah dengan Teratur

- Selepas kebaktian selesai, para Jemaah yang hadir hendaklah mengelakkan berjabat tangan atau bersentuhan badan & menjaga jarak sosial yang selamat semasa meninggalkan tempat ibadah dengan bantuan arahan penyambut tetamu yang bertugas.

5. Topeng/Pelitup Muka

- Semua Jemaah yang hadir mesti memakai topeng/pelitup muka sepanjang kebaktian, termasuk pendeta dan pasukan pelayanan.
- Gereja akan memberikan topeng/pelitup muka kepada pengunjung atau mereka yang memerlukannya dengan segera.

6. E-buletin atau Skrin Power Point

- Jemaah yang hadir digalakkan menggunakan e-buletin atau skrin power point untuk meminimumkan jumlah penyambut tetamu yang diperlukan.

7. Jarak Sosial

- Sanctuary mampu memuatkan 250 orang yang hadir (walaupun kapasiti maksimumnya adalah 446 orang), masing-masing dengan jarak 1 meter.
- Chapel mampu memuatkan 72 orang dengan jarak sosial yang sama.

8. Persembahan Pemberian

- Hadirin boleh meletakkan pemberian mereka di peti persembahan yang ditetapkan semasa kebaktian.
- Hadirin juga digalakkan untuk membuat persembahan mereka melalui pindahan wang melalui bank atau kod QR Sarawak Pay selepas kebaktian gereja.

9. Peranan Penyambut Tetamu

- Penyambut Tetamu mengarahkan lalu lintas dan tempat duduk di tempat ibadah. Setelah had hadirin telah tercapai, para penyambut tetamu akan menutup pintu.
- Salam tanpa sentuhan seperti anggukan kepala dengan lembut atau menggoyang tangan lebih digalakkan.
- Penyambut tetamu perlu memastikan pintu tempat ibadah terbuka semasa kebaktian untuk membolehkan pengudaraan yang mencukupi.
- Penyambut tetamu dikehendaki berada di dalam gereja pada pukul 7:15 pagi untuk kebaktian Bahasa Malaysia dan Cina dan 9:45 pagi untuk kebaktian Inggeris.

10. Pengudaraan yang mencukupi

- Sekiranya mungkin, tingkap dan pintu hendaklah tetap terbuka sebelum dan semasa kebaktian atau persekutuan untuk membolehkan pengudaraan yang mencukupi.
- Setelah membersihkan, semua pintu dan tingkap hendaklah ditutup dan dikunci.

11. Pembasmian kuman selepas kebaktian

- Selepas kebaktian, pembersihan dan pembasmian kuman mesti dilakukan dengan segera termasuk semua tempat duduk, podium, mikrofon, piano, bilik asuhan, pegangan tangan, pemegang pintu dan tempat lain yang difikirkan perlu.

12. Menyiapkan Tempat Ibadah

- Buka pintu dan tingkap untuk pengudaraan semasa penghawa dingin dihidupkan.
- Kebaktian gereja hendaklah dipendekkan untuk membolehkan kebaktian BM, Cina dan Inggeris dijalankan secara berasingan.
- Pembersihan dan pembasmian kuman tempat ibadah atau tempat perjumpaan harus dilakukan sebelum dan selepas persekutuan.
- Pita hendaklah diletakkan di atas jubin lantai dengan jarak 1 meter untuk mendorong penjarakkan sosial.

13. Pengiraan Pemberian

- Setelah menghitung, masukkan wang ke dalam beg yang ditentukan, diikat dengan betul dan membersihkan kedua-dua tangan.

14. Jamuan Kudus

- Jemaah yang hadir akan dihidangkan dengan jamuan kudus yang pra-pek.

15. Koir:

- Ditangguhkan buat sementara waktu.

16. Pasukan Pujian dan Ibadah:

- Pada masa ini hanya 4-6 orang (termasuk pasukan pemuzik) di atas pentas.
- Pakai topeng muka dan berdiri dalam jarak yang selamat.

17. Tandas

- Tandas tingkat 1, 2 dan 3 hendaklah dibuka untuk digunakan oleh semua Jemaah yang hadir untuk mengelakkan kesesakan.
- Tandas hendaklah dibersihkan dengan sempurna sebelum dan selepas kebaktian dengan pembasmi kuman.

18. Tiada Makanan

- Sudut Pelawat akan ditutup sehingga diberitahu kelak.
- Tidak ada makanan yang akan disajikan selepas kebaktian dalam kawasan gereja.

Kemas kini Terakhir: 18/7/2020 11:53:40 AM